

17/12/1997

Jangan takut hadapi perubahan moden

MINGGU lalu, kawan sempat menghadiri sidang akhbar majlis menandatangani perjanjian persefahaman projek perintis Perdagangan Elektronik Pemasaran Tanpa Sempadan (BMEC) antara Visa International (Visa) dan VADS, anak syarikat Telekom Malaysia.

Ia bertujuan melaksanakan projek percubaan pemasaran dan pembelian barangan dalam Internet menggunakan protokol Urus Niaga Elektronik Terjamin (Secure Electronic Transactions atau SET) yang diperkenalkan Visa International, syarikat kad kredit gergasi antarabangsa.

Melalui BMEC, pengguna tidak lagi perlu ke pasar raya memilih barangan sebaliknya menggunakan komputer peribadi di rumah, memanfaatkan prasarana Internet untuk membeli dan membayar produk yang diinginkan.

Apa yang kawan hendak sentuh ialah bagaimana Visa International dan MasterCard memanfaatkan strategi secara halus dalam usaha terus menerus mengukuhkan cengkaman terhadap pengguna kad kreditnya.

Jika di alam fizikal, pengguna dibebankan dengan caj dan kadar faedah yang tinggi ketika meminjam maka apabila kita beralih terhadap alam maya, kita masih lagi dibeban dengan masalah yang sama.

Dengan strategi yang menarik dan moto untuk memudahkan pengguna membeli-belah di samping kemudahan pembayaran yang terjamin selamat, ia merangsang pengguna untuk terus memanfaatkan perkhidmatan yang ditawarkan.

Bagaimanapun, kawan tidak menyalahkan Visa kerana menggunakan pelbagai strategi promosi menarik khusus untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kad kreditnya.

Ini kerana, kita sebagai pengguna tidak didedahkan kepada pilihan lain yang boleh dimanfaatkan untuk membuat pembayaran barangan selain kad kredit.

Bukan tidak ada cara lain untuk membuat pembayaran. Teknologi wang digital atau elektronik misalnya, membolehkan pengguna membuat pembayaran menggunakan wang yang ada dalam akaun mereka tetapi diubah dalam bentuk elektronik untuk membeli barangan melalui Internet.

Kita boleh memanfaatkan kad pintar untuk memenuhi semula wang elektronik yang sudah habis digunakan di mesin juruwang automatik yang disediakan di tempat strategik di seluruh negara.

Melalui cara berkenaan, kita tidak perlu berhutang dan menolong negara mengatasi masalah kegawatan ekonomi dan pasaran saham yang sedang merudum.

Jika kita menggunakan analogi yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Britain yang memulakan Revolusi Perindustrian tetapi Amerika Syarikat yang memenangnya.

Begitu juga ia boleh diguna pakai: Visa dan Mastercard memperkenalkan SET tetapi jika ada syarikat IT tempatan yang berani memperkenalkan perkhidmatan fulus elektronik di peringkat tempatan dan antarabangsa, kita mungkin memenangnya.

Apa yang penting ialah keberanian mencuba dan tidak takut dengan kegagalan. Jika tidak selamanya kita akan bergantung kepada orang lain menentukan hala tuju kehidupan.

Seperkara lagi ialah, janganlah mudah melenting dengan apa-apa yang baru dan kita belum biasa dengannya. Memang old habits die hard tetapi jika ia demi kebaikan masa depan, kita perlu menerimanya dengan pemikiran terbuka sambil menyetepikan fahaman atau kebiasaan sedia ada.

Memang leceh mengisi minyak sendiri di pam ketika ia mula dilaksanakan. Tetapi kini dah jadi kebiasaan, apa lagi jika memahami mengapa kerajaan

merestui langkah ini.

Tahu dan faham jauh bezanya.

KAWAN: Takut berhutang sepanjang hayat
(END)